

NOTA KETERANGAN

Definisi Luar Bandar

1) Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000

Kawasan bandar ditakrifkan sebagaimana yang telah digunakan bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2000. Kawasan bandar ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2000. **Kawasan selainnya yang diwartakan dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan, dikelaskan sebagai luar bandar.** Kawasan tepu bina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian dan unit-unit perumahannya mempunyai kemudahan tandas moden.

Pengelasan kawasan-kawasan mengikut strata adalah seperti berikut:

Strata	Bilangan Penduduk
Metropolitan	75,000 dan lebih
Bandar besar	10,000 hingga 74,999
Bandar kecil	1,000 hingga 9,999
Luar bandar	Kawasan selebihnya

Bagi tujuan analisis bandar/luar bandar, strata-strata dicantum seperti berikut:

Bandar = Metropolitan + Bandar besar
Luar bandar = Bandar kecil + Luar bandar

2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

“Kawasan desa merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan petempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi.”

Ciri ciri kawasan desa adalah meliputi kawasan petempatan yang mempunyai:

- i) Penduduk kurang daripada 10,000 orang
- ii) Corak petempatan sama ada berkelompok, berpusat, berjajar atau berselerak
- iii) Asas ekonomi desa berasaskan kepada aktiviti pertanian, industri desa dan produk semulajadi
- iv) Aktiviti sosial budaya desa termasuk organisasi/jawatankuasa desa, institusi kekeluargaan, aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan.

3) Definisi Luar Bandar Oleh Agensi-Ageni Luar Negara

i) Department for Environment, Food and Rural Affairs (Defra), United Kingdom, 2002

“The rural definition consists of two parts:

- a) the settlement morphology comprising all places under 10,000 population comprising small (rural) towns, villages and scattered dwellings; and*
- b) the wider geographic context in which individual settlements are located i.e. whether the wider area is defined as being ‘sparsely’ populated or not.”*

ii) Statistics Canada, 1996

“There are six alternative definitions of rural that are available for national level analysis in Canada. Two of these definitions are:

- a) Census rural – refers to individuals living in the countryside outside centres of 1,000 or more population;*

b) Rural and small town – refers to individuals in towns or municipalities outside of the commuting zone of larger urban centres (with 10,000 or more population). These individuals may be disaggregated into zones according to the degree of influence of a larger urban centre.”

Anggaran Keluasan Luar Bandar

Keluasan kawasan luar bandar adalah 70 peratus daripada keluasan tanah negara (231,180 km persegi atau 23 juta hektar), terdiri dari kawasan pertanian, hutan, penempatan kampung, pesisiran pantai dan pulau.

Kumpulan Sasar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Dalam pembangunan prasarana dan sosioekonomi, kumpulan sasaran KKLW terdiri daripada masyarakat luar bandar yang terdiri daripada:

- i) Pekebun kecil getah, penduduk estet kecil/pecah serta pemilik tanah terbiar dan tanah kecil;
- ii) Masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia;
- iii) Kelompok miskin dan miskin tegar;
- iv) Kanak-kanak TABIKA dan TASKA KEMAS; dan
- v) Usahawan, JKPP/P dan masyarakat luar bandar.

Teras Strategik Pembangunan Luar Bandar KKLW Di Bawah Rancangan Malaysia Kesembilan

Teras 1: Meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial.

Teras 2: Membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan luar bandar.

Teras 3: Mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat luar bandar.

Teras 4: Melonjak aktiviti ekonomi dan industri luar bandar.

Teras 5: Memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar.

Teras 6: Merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Teras Strategik Pembangunan Luar Bandar Di Bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh

- Teras 1: Pembangunan modal insan dan pengupayaan masyarakat.
- Teras 2: Pembangunan ekonomi yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.
- Teras 3: Pengintegrasian program pembangunan luar bandar dengan perancangan fizikal.
- Teras 4: Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh.
- Teras 5: Peningkatan kualiti hidup dan pendapatan isi rumah di dalam kumpulan berpendapatan 40% terendah.
- Teras 6: Pengurusan pembangunan yang bersepadu.
- Teras 7: Pengurusan sumber alam secara mapan.